

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TENGGU ZULPURI BIN RAJA PUJI**  
**[RAUB]**  
**TARIKH** : **7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

- (a) Bagaimana inisiatif Kementerian untuk menangani isu pengangguran di kalangan graduan, malah peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada graduan juga tidak setaraf kelulusan; dan
- (b) Sejauh mana juga usaha Kementerian dalam membantu para pekerja di sektor swasta khususnya pekerja kilang yang terpaksa berhenti kerja akibat penutupan kilang semasa krisis wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam menangani isu pengangguran di kalangan graduan, kementerian giat melaksanakan beberapa inisiatif antaranya adalah :

- i. Melaksanakan program *career advancement* atau KPT-CAP yang berbentuk latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menjayakan inisiatif ini. Terdapat tiga (3) kluster utama yang menjadi tumpuan iaitu:

- a. Job Matching and Placement;
- b. Keusahawanan; dan
- c. Gig Economy.

Sebagai langkah ke hadapan, KPT sedang merangka peluasan pelaksanaan inisiatif ini melalui kolaborasi bersama kerajaan-kerajaan negeri melalui program *JOBs@State* dan *GRADpreneur@State*. Keseluruhan inisiatif PENJANA KPT-CAP dijangka dapat memberikan manfaat dan nilai tambah kepada sejumlah 20,000 graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti;

- ii. Menawarkan bantuan kewangan kepada graduan yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Antara bantuan tersebut adalah seperti MyBrain Science; Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi dan Bantuan Kewangan pelajar OKU;
- iii. Melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Sosial (PERKESO). Graduan-graduan yang berdaftar di Portal MyFutureJobs akan dipadankan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang telah berdaftar melalui portal tersebut. Sehingga 24 November 2020, sejumlah 192,186 graduan telah mendaftar untuk dipadankan dengan kekosongan perjawatan di dalam portal tersebut dan sejumlah 36,122 graduan telah mendapat penempatan;
- iv. Menggalakkan pelajar terlibat dalam bidang keusahawanan. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 yang sedang dimuktamadkan akan menjadi dokumen rujukan utama bagi pengukuhan agenda keusahawanan di IPT. Sepanjang tahun 2016 – 2019, seramai 49,983 orang pelajar telah menjalankan perniagaan dalam tempoh pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,148 orang graduan masih meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan selepas tamat pengajian;

- v. Dalam konteks menyediakan ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan di IPT, kementerian dengan kerjasama TEKUN Nasional telah memperkenalkan skim pembiayaan mikro *KPT-MEDAC:Siswapreneur*. Sejumlah RM20 juta telah diperuntukan oleh TEKUN Nasional dengan sasaran pembiayaan kepada 20,000 pelajar;
- vi. Manakala program *EntrepreneurMOHE@PUNB* pula telah dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Program latihan jangka pendek ini memberikan penekanan kepada kemahiran pengurusan; bimbingan teknikal bagi Pemasaran Digital; serta BizKonsultasi berbentuk khidmat nasihat berkaitan perniagaan daripada PUNB. Sebagai permulaan, 500 graduan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini.

Berhubung penawaran pekerjaan yang tidak setaraf dengan kelulusan graduan, kementerian amat memahami situasi pandemik yang menjejaskan semua pihak termasuk industri. Keutamaan kementerian pada masa ini adalah untuk memastikan graduan berupaya untuk sekurang-kurangnya menjana pendapatan bagi menampung kehidupan mereka sama ada melalui pekerjaan; aktiviti keusahawanan atau secara '*free-lancing*'.

### **Tuan Yang di-Pertua**

- (a) Isu berkenaan membantu para pekerja di sektor swasta khususnya pekerja kilang yang terpaksa berhenti kerja akibat penutupan kilang semasa krisis wabak COVID-19 adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak Kementerian Sumber Manusia. Walaubagaimanapun, pihak Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa bersedia untuk bekerjasama dalam menyediakan input atau maklumat berkaitan sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.